

ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)

ENERGY LIGHT ENTERPRISE
(PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK)

INSTITUT TEKNOLOGI MARA



INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

Surat Tuan:

Surat Kami:

21hb. November 1997

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

| Bil | Nama Pelajar | No. ITM |
|------------|------------------------------|----------------|
| 1. | Nor Azah Abdullah @ Esa | 95970067 |
| 2. | Noriah Hj Mohamed Ali | 95282929 |
| 3. | Emisalzani Md Zain | 95298130 |
| 4. | Khairatul Animah Hj Jelani | 95198183 |
| 5. | Tg Tijan Marjani Tg Abdullah | 95974956 |

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahuluji dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Provos

Faculty of Administration and Law
MARA Institute of Technology (Malacca Branch)
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Malacca
MALAYSIA

Via
Provos
MARA Institute of Technology (Malacca Branch)
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Malacca
MALAYSIA

18 December 1997

Eurolight Electrical Ltd.
20, Rahi Chambers
Sadashiv Peth
L.B.S. Marg
Pune 411 030
INDIA

Dear Sirs

Eurolight EZE E+ Freedom

We are interested in your energy saving product EZE E+ Freedom as per your brochure.

We were introduced to your product by our lecturer, Mr. Abdul Hameed Bin Mydin who visited your stand during the Asia Pacific Initiative For Renewable Energy and Energy Efficiency at Jakarta, Indonesia on 14 to 16 October 1997.

We are contemplating retrofitting and would like to know more details about this product.

Please furnish us with the following details:-

1. Cost per unit
2. Minimum shipping volume
3. Cost per minimum shipment (c.i.f. Port Kelang, Malaysia)
4. Technical specification
5. Third Party certification

Can your product be used in Malaysia where electrical supply is at 240 volts/50MHz and at 450 volts to mains distributor.

We hope that you could send us the sample of this product. We look forward to hearing from you soon.

Yours faithfully



(Nor Azah bt Abdullah @ Esa)

Student of Diploma In Public Administration

Faculty of Administration and Law

1. PENGENALAN.

Energy Light Enterprise merupakan sebuah rancangan perniagaan yang menumpukan terhadap penjualan barang dan penyediaan perkhidmatan pemasangan barang yang dinamakan EZE E + Freedom.

Alat yang diimport dari India ini, dipasang pada lampu pendaflor atau lebih dikenali sebagai lampu kalimantang, mampu memberikan pelbagai kelebihan di antaranya:

1. *Menjimatkan tenaga sehingga 35%.*
2. *Tidak memerlukan pendawaian semula untuk pemasangan alat EZE E + Freedom.*
3. *Hanya memerlukan 5 minit untuk pemasangannya.*
4. *Boleh digunakan pada semua saiz lampu pendaflor.*

Kami memilih rancangan perniagaan seumpama ini berdasarkan beberapa tujuan utama iaitu:

1. *Untuk mewujudkan golongan usahawan yang berani menceburi bidang perniagaan berbentuk pengimportan barang dari negara luar.*
2. *Melahirkan usahawan yang berani memperkenalkan barang baru di dalam pasaran negara.*
3. *Malahirkan usahawan-usahawan yang bukan sahaja mengutamakan keuntungan yang bakal diperolehi tetapi juga mengutamakan keuntungan*